

Siaran Media : Kenyataan Media Oleh YB Menteri Kewangan II Rezab Antarabangsa Malaysia (2013-2015)

 Rabu, Dis 20 2017



SIARAN MEDIA / MEDIA RELEASE KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA MINISTRY OF FINANCE MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA OLEH YB MENTERI KEWANGAN II REZAB ANTARABANGSA MALAYSIA (2013-2015)

1. Saya merujuk kepada dakwaan Tun Mahathir baru-baru ini dalam video yang dipaparkan di YouTube bahawa Bank Negara Malaysia (BNM) telah kerugian AS\$39.6 bilion antara tahun 2013 dan 2015 dalam menguruskan rizab antarabangsa negara. Dakwaan ini telah menyebabkan banyak kebingungan di kalangan orang ramai dan saya ingin memperbetulkan fakta-fakta ini.
2. Kerugian yang dikatakan sebanyak AS\$39.6 bilion itu sebenarnya adalah jumlah yang mencerminkan penurunan dalam rizab antarabangsa disebabkan aliran keluar dana asing dari Malaysia dan bukannya kerugian akibat perdagangan forex. Aliran keluar ini disebabkan oleh kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan global yang lemah, jangkaan pemulihan dasar kewangan di AS dan penurunan mendadak harga minyak dunia. Dalam tempoh ini, aliran keluar modal bukan sahaja unik kepada Malaysia tetapi juga menjejaskan pasaran baru muncul termasuk Indonesia, Filipina, Singapura, Thailand, India, China, Korea Selatan dan Taiwan.
3. Semua faktor luaran ini telah mendorong pelabur asing untuk mencairkan pelaburan mereka dalam pasaran stok dan bon kita. Ini seterusnya menyebabkan permintaan yang lebih tinggi untuk USD berbanding dengan ringgit apabila pelabur asing menukarkan dana sedemikian ke dalam USD dan membawa pulang yang sama ke negara masing-masing. Dalam tempoh ini, BNM menyediakan kecairan USD kepada pelabur asing sebagai pertukaran untuk ringgit dan ini tentunya berbeza daripada aktiviti dagangan forex yang spekulatif yang dilakukan pada awal 1990-an.
4. Sistem pengurusan rizab semasa oleh BNM telah berfungsi dengan sangat baik dan pasaran kewangan dalam keadaan teratur dan stabil meskipun aliran keluar modal yang besar. Memandangkan asas kita yang kukuh, penurunan rizab dalam tempoh 2013-2015 tidak mempunyai kesan material terhadap fungsi ekonomi Malaysia serta kedudukan kewangan bank pusat. Malah, BNM terus mencatatkan keuntungan bersih yang sihat sepanjang tempoh itu tidak seperti pada tahun 1993 apabila kerugian operasi bersih dicatatkan disebabkan aktiviti perdagangan forex spekulatif.
5. Saya harus menekankan bahawa rizab antarabangsa kekal sebagai penampan penting terhadap kejutan luar dan adalah penting dalam mengekalkan persekitaran operasi yang stabil dalam ekonomi domestik. Sejak itu, rizab antarabangsa Malaysia telah meningkat. Pada akhir November 2017, rizab antarabangsa kita berjumlah AS\$101.9

bilion dan mencukupi untuk menyokong 7.5 bulan import tertangguh. Jumlah rizab semasa adalah lima kali ganda lebih besar daripada AS\$21.7 bilion yang dicatatkan pada tahun 1997 yang hanya dapat menyokong 3.4 bulan import tertangguh.

6. Dakwaan yang dibuat dalam video bahawa BNM telah cuai dalam menguruskan rizab antarabangsa dalam tempoh 2013-2015 bukan sahaja melulu tetapi juga merupakan usaha untuk menjejaskan mandat institusi BNM untuk menjaga kestabilan ekonomi dan kewangan negara dengan mewujudkan keraguan dan salah tanggapan di kalangan masyarakat umum. Daripada terpedaya dengan dakwaan sedemikian yang berpotensi memecahbelahkan kita, adalah lebih baik kita bekerjasama untuk menghasilkan ekonomi yang kukuh dan mampan untuk manfaat generasi masa depan kita.

DATUK SERI JOHARI ABDUL GHANI
MENTERI KEWANGAN II
Putrajaya
19 DISEMBER 2017
